

# Yuserrie Zainudin dilantik Komandan Suksis UMP

UM (Helo Kampus)  
Libur 1r/s 11  
MS30

KUANTAN 17 Mei - Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Dr. Yuserrie Zainuddin dilantik sebagai Komandan Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) UMP berkuat kuasa Januari lalu.

Majlis pemakaian pangkat disempernakan Ketua Polis Pahang, Datuk Sharifuddin Ab. Ghani di Dewan Astaka UMP baru-baru ini.

Yuserrie berkata, beliau berharap meneroka peluang baru bersama PDRM supaya penuntut universiti dapat bersama-sama cemerlang dalam pelbagai bidang.

"Saya akan berusaha meneruskan kecemerlangan Kor Suksis UMP yang diiktiraf cemerlang dalam bidang kesukarelawanan dan akademik," katanya ketika berucap

pada Majlis Perasmian Pejabat Kor Suksis UMP di sini baru-baru ini.

Yuserrie menggantikan bekas Komandan Kor Suksis, Profesor Dr. Abdul Jalil Borham.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMP, Dr. Daing Nasir Ibrahim berkata, penglibatan mahasiswa dalam pasukan itu akan dapat melatih bakal graduan menjadi pemimpin yang memiliki disiplin tinggi pada masa depan.

"Majlis itu juga memberi kesempatan kepada pengurusan UMP untuk bertemu dan membina hubungan baik antara universiti itu dengan PDRM," katanya.

Selain Kor Suksis, universiti itu turut mempunyai pasukan Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (Palapes) dan Siswa Perkhidmatan Awam (Sispa).



SHARIFUDDIN Ab. Ghani (kiri) memakaikan pangkat komandan kepada Yuserrie Zainuddin di Universiti Malaysia Pahang, Kuantan, baru-baru ini.